



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

HUBUNGAN ANTARA EFIGASI KENDIRI KAUNSELING TERHADAP KESEJAHTERAAN PSIKOLOGI KAUNSELOR PELATIH UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI)



05-4506832



pustaka

NURRABIATUL ALLIYAH BINTI ABDUL RAHMAN



Perpustakaan Tuanku Bainun



Bainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

i

**HUBUNGAN ANTARA EFKASI KENDIRI KAUNSELING TERHADAP
KESEJAHTERAAN PSIKOLOGI KAUNSELOR PELATIH UNIVERSITI
PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI)**

NURRABIATUL ALLIYAH BINTI ABDUL RAHMAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PROJEK TAHUN AKHIR DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT
UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN
(BIMBINGAN DAN KAUNSELING)**

FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH****PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada Februari 2023

i. Perakuan pelajar:

Saya, **NURRABIATUL ALLIYAH BINTI ABDUL RAHMAN, D20182085549, FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSA** dengan ini mengaku bahawa laporan Projek tahun Akhir (KKR 3996) yang bertajuk **HUBUNGAN ANTARA EFIGASI KENDIRI KAUNSELING TERHADAP KESEJAHTERAAN PSIKOLOGI KAUNSELOR PELATIH UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI)** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

Tarikh

Tandatangan pelajar

ii.Perakuan**penyelia:**

Saya, **DR NURUL HASYIMAH BINTI MAT RANI** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **HUBUNGAN ANTARA EFIGASI KENDIRI KAUNSELING TERHADAP KESEJAHTERAAN PSIKOLOGI KAUNSELOR PELATIH UPSI** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh **IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN (BIMBINGAN DAN KAUNSELING) DENGAN KEPUJIAN**

Tarikh

Tandatangan Penyelia

**Sila tanda (')**

Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan
dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah



PENGHARGAAN


Bismillahirrahmanirrahim. Saya Nurrabiatul Alliyah binti Abdul Rahman mengucapkan syukur ke hadrat ilahi kerana limpah nikmat serta kasih sayangnya saya dapat menyiapkan kajian ini dalam tempoh masa yang diberikan. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr Nurul Hasyimah binti Mat Rani selaku Penyelia bagi kursus Projek Tahun Akhir (KKR 3996) yang banyak membantu dan membimbang saya untuk melengkapkan laporan akhir ini. Usaha dan bantuan beliau memberikan sumbangan besar kepada proses kajian ini dijalankan. Di samping itu, saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada ibunda tercinta iaitu Puan Jamaliah binti Yaman, ahli keluarga dan insan tercinta yang memberikan sokongan penuh dari aspek kewangan, motivasi dan sokongan fizikal serta mental sepanjang saya melengkapkan kajian ini. Seterusnya, tidak saya lupakan juga ribuan terima kasih kepada sahabat seperjuangan iaitu rakan kelas Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) Bimbingan dan Kaunseling kemasukan Februari 2019 yang tidak pernah jemu membantu memberikan pendapat, pandangan dan idea mereka kepada saya untuk sentiasa menambahbaik kajian ini. Selain itu, terima kasih juga kepada semua responden yang memberikan kerjasama yang baik untuk membantu kajian saya. Akhir sekali saya dedikasikan laporan projek tahun akhir ini buat semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung. Semoga laporan ini memberikan sumbangan kepada perkembangan ilmu secara berterusan.





ABSTRAK

Proses menjalani praktikum kaunseling atau internship kaunseling memerlukan kesediaan efikasi kendiri dan kesejahteraan psikologi yang kukuh bagi membolehkan kaunselor pelatih berfungsi secara optimum dan menangani cabaran dalam melaksanakan tugas serta peranan mereka. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubungan antara efikasi kendiri kaunseling terhadap kesejahteraan psikologi kaunselor pelatih di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif secara kajian tinjauan. Data diperoleh daripada responden kajian melalui instrumen *Counseling Self-Estimates Inventory (COSE)* dan *Flourishing Scale*. Responden kajian terdiri daripada 123 orang pelajar yang mengambil kursus Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Bimbingan dan Kaunseling daripada semester enam hingga semester lapan di UPSI. Oleh itu, responden kajian dipilih melalui teknik persampelan rawak. Hasil dapatkan menunjukkan terdapat hubungan signifikan yang kuat antara efikasi kendiri kaunseling terhadap kesejahteraan psikologi kaunselor pelatih UPSI. Seterusnya, dapatkan deskriptif memperoleh majoriti responden memperoleh efikasi kendiri kaunseling pada tahap sederhana dan tahap kesejahteraan psikologi pada tahap tinggi. Manakala tiada perbezaan yang signifikan untuk efikasi kendiri kaunseling dan kesejahteraan psikologi dari aspek jantina dan semester pengajian. Justeru, kajian ini memberikan sumbangan besar terhadap kesediaan kaunselor pelatih, pihak universiti, Persatuan Kaunseling Malaysia (PERKAMA) serta Lembaga Kaunselor Malaysia (LKM) untuk bertindak lebih proaktif dalam usaha melahirkan lebih ramai kaunselor yang efektif pada masa hadapan.





THE RELATIONSHIP BETWEEN COUNSELING SELF-EFFICACY TOWARD PSYCHOLOGICAL WELL-BEING AMONG TRAINEE COUNSELORS AT UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI)

ABSTRACT

The process of counseling practicum or internship counseling requires self-efficacy and a strong psychological well-being to enable trainee counselors to function optimally and deal with challenges in performing their duties and roles. Accordingly, this study aims to examine the relationship between counseling self-efficacy and the psychological well-being of trainee counselors at Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). This quantitative study uses a survey approach. Data collected from respondents through the Counseling Self-Estimates Inventory (COSE) and Flourishing Scale instruments. The study respondents consisted of 123 students who took the Bachelor's Degree in Guidance and Counseling from semester six to eight at UPSI. Therefore, this study used a random sampling technique to collect respondents' data. The findings show that there is a strong significant relationship between counseling self-efficacy and psychological well-being among UPSI trainee counselors. Next, the descriptive findings found that the majority of respondents obtained counseling self-efficacy at a medium level and psychological well-being at a high level. While there is no significant difference for counseling self-efficacy and psychological well-being from the aspect of gender and semester of study. Thus, this study makes a great contribution for the counselor trainees to be more prepared, universities, the Malaysian Counseling Association (PERKAMA) and the Malaysian Counselors Board (LKM) to act more proactively in an effort to produce counselors that are more effective in the future.





KANDUNGAN

PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN DAN SIMBOL	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xv
BAB 1	1
PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	12
1.4 Tujuan Kajian	17
1.5 Objektif Kajian	17
1.6 Persoalan Kajian	18
1.7 Hipotesis Kajian	19
1.8 Kepentingan Kajian	19
1.8.1 Kaunselor Pelatih	20
1.8.2 Jabatan Kaunseling dan Psikologi, Fakulti di Universiti	20
1.8.3 Persatuan Kaunseling Malaysia (PERKAMA)	21



1.8.4 Lembaga Kaunselor Malaysia (LKM).....	21
1.9 Kerangka Kajian.....	21
1.9.1 Kerangka Konseptual	22
1.9.2 Kerangka Teoritikal	23
1.10 Pemboleh Ubah Bersandar dan Tidak Bersandar.....	24
1.11 Definisi Konseptual dan Operasional.....	24
1.11.1 Efikasi Kendiri Kaunseling	25
1.11.2 Kesejahteraan Psikologi	26
1.11.3 Kaunselor Pelatih.....	26
1.12 Limitasi Kajian.....	27
1.13 Rumusan.....	28
BAB 2	29
KAJIAN LITERATUR	29
2.1 Pengenalan	29
2.2 Pemboleh Ubah Efikasi Kendiri Kaunseling	30
2.3 Pemboleh Ubah Kesejahteraan Psikologi	31
2.4 Pendekatan Teori.....	33
2.4.1 Teori Efikasi Kendiri Kaunseling.....	33
2.4.2 Teori Kesejahteraan Psikologi.....	35
2.5 Tinjauan Literatur.....	38
2.5.1 Pemboleh Ubah Efikasi Kendiri Kaunseling.....	38
2.5.2 Pemboleh Ubah Kesejahteraan Psikologi.....	51
2.5.3 Pemboleh Ubah Efikasi Kendiri terhadap Kesejahteraan Psikologi	57
2.6 Rumusan Kajian Literatur	59
2.7 Rumusan.....	60
BAB 3	61
METODOLOGI KAJIAN	61

3.1	Pengenalan	61
3.2	Reka Bentuk Kajian	62
3.3	Tempat Kajian	62
3.4	Populasi dan Sampel Kajian.....	63
3.5	Instrumen Kajian.....	66
3.6	Pemarkatan Instrumen.....	68
3.7	Prosedur Kajian	70
3.8	Analisis Data	73
3.8.1	Statistik Deskriptif.....	73
3.8.2	Statistik Inferensi.....	74
3.9	Rumusan.....	76
BAB 4		77
DAPATAN KAJIAN		77
4.1	Pengenalan	77
4.2	Keputusan Analisis Deskriptif	78
4.2.1	Analisis Deskriptif Demografi Responden.....	78
4.2.2	Analisis Deskriptif dan Inferensi	80
4.3	Rumusan Keseluruhan Analisis Dapatan Kajian	87
	Rumusan.....	89
BAB 5		90
PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN.....		90
5.1	Pengenalan	90
5.2	Ringkasan Kajian	91
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	95
5.3.1	Tahap Efikasi Kendiri Kaunseling Kaunselor Pelatih UPSI	95
5.3.2	Tahap Kesejahteraan Psikologi Kaunselor Pelatih UPSI	97
5.3.3	Efikasi Kendiri Kaunseling Kaunselor Pelatih UPSI berdasarkan Jantina	99

5.3.4	Kesejahteraan Psikologi Kaunselor Pelatih UPSI berdasarkan Jantina...	100
5.3.5	Efikasi Kendiri Kaunseling Kaunselor Pelatih UPSI berdasarkan Semester Pengajian	101
5.3.6	Kesejahteraan Psikologi Kaunselor Pelatih UPSI berdasarkan Semester Pengajian	102
5.3.7	Hubungan antara Efikasi Kendiri Kaunseling terhadap Kesejahteraan psikologi Kaunselor Pelatih UPSI.....	103
5.4	Implikasi Kajian	104
5.4.1	Implikasi Teoritikal	105
5.4.2	Implikasi Praktikal.....	107
5.4.2.1	Kaunselor Pelatih	108
5.4.2.2	Jabatan Psikologi dan Kaunseling, Fakulti Pembangunan Manusia	110
5.4.2.3	Persatuan Kaunseling Malaysia (PERKAMA)	112
5.4.2.4	Lembaga Kaunselor Malaysia (LKM)	113
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	114
5.6	Rumusan.....	116
	RUJUKAN	117
	LAMPIRAN	127
	LAMPIRAN A.....	127
	LAMPIRAN B	128
	LAMPIRAN C	135
	LAMPIRAN D.....	136
	LAMPIRAN E	137
	LAMPIRAN E	138



SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
3.0	Taburan demografi berdasarkan jantina 65
3.1	Taburan demografi berdasarkan semester pengajian 65
3.2	Dimensi dan item instrumen COSE 67
3.3	Tahap dan nilai markat efikasi kendiri kaunseling 69
3.4	Tahap dan nilai markat kesejahteraan psikologi 70
3.5	Pekali korelasi Pearson 74
3.6	Matrik analisis data kajian 75
4.0	Taburan responden berdasarkan jantina 79
4.1	Taburan responden berdasarkan semester pengajian 79
4.2	Statistik deskriptif tahap efikasi kendiri kaunseling 80
4.3	Statistik deskriptif tahap kesejahteraan psikologi 81
4.4	Statistik deskriptif ujian-t efikasi kendiri kaunseling berdasarkan jantina 82
4.5	Hasil dapatan ujian-t efikasi kendiri kaunseling berdasarkan jantina 82





4.6	Statistik deskriptif ujian-t kesejahteraan psikologi berdasarkan jantina	83
4.7	Hasil dapatan ujian-t kesejahteraan psikologi berdasarkan jantina	83
4.8	Statistik deskriptif ANOVA efikasi kendiri kaunseling ANOVA berdasarkan semester pengajian	84
4.9	Hasil dapatan ANOVA efikasi kendiri kaunseling berdasarkan semester pengajian	84
4.10	Statistik deskriptif ANOVA kesejahteraan psikologi berdasarkan semester pengajian	85
4.11	Hasil dapatan ANOVA kesejahteraan psikologi berdasarkan semester pengajian	85

4.12	Hasil dapatan analisis korelasi Pearson	87
4.13	Rumusan dapatan kajian	88





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat	
1.0	Kerangka konseptual kajian	22
1.1	Kerangka teoritikal kajian	24
3.0	Jadual persampelan Krejcie dan Morgan	64
3.1	Prosedur kajian peringkat 1	71
3.2	Prosedur kajian peringkat 2	72





SENARAI SINGKATAN DAN SIMBOL

\leq	Lebih kecil daripada
\geq	Lebih besar daripada
r	Nilai pekali korelasi
t	Nilai statistik ujian-t
F	Nilai statistik ujian analisis varians
P	Kebarangkalian
n	Jumlah
%	Peratus
/	atau
min	Purata
dk	Darajah kebebasan
SP	Sisihan piawai
ACA	<i>American Counseling Association</i>
ACES	<i>Association of Counselor and Supervisors</i>
ANOVA	Analisis varians
COSE	<i>Counseling Self-Estimates Inventory</i>
CACREP	<i>Council for Accreditation and Related Educational Programs</i>
CS-RISC	<i>Cannor-Davidson Resilience 10-Item</i>
et. al	Dan pengarang lain
FPM	Fakulti Pembangunan Manusia
GBK	Guru Bimbingan dan Kaunseling
IPG	Institut Pendidikan Guru
IPT	Institut Pengajian Tinggi
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
ISMP	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan





KDC	Kursus Dalam Cuti
LKM	Lembaga Kaunselor Malaysia
LM	Latihan Mengajar
NBCC	<i>National Board of Certified Counselor</i>
PERKAMA	Persatuan Kaunseling Malaysia
PKPG	Program Khas Pensiwazahan Guru
PWB	<i>Scales of Psychological Well-Being</i>
PWS	<i>Perceived Wellness Survey</i>
SEI	<i>Self-efficacy Inventory</i>
SCS	<i>Self-Compasion Scale</i>
SPWB	<i>Scale of Psychological Well-Being</i>
SPSS	<i>Statistical Package for the Social Sciences</i>
SCT	Teori Kognitif Sosial
SLT	Teori Pembelajaran Sosial <small>Kampus Sultan Abdul Jalil Shah</small>
SLQ-R	<i>Supervisee Levels Questionnaire-Revised</i>
UIAM	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
UiTM	Universiti Teknologi Malaysia
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	Universiti Malaya
UMS	Universiti Malaysia Sabah
UPM	Universiti Putra Malaysia
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
UUM	Universiti Utara Malaysia
UNESCO	<i>United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization</i>
UNICEF	<i>United Nations Children's Fund</i>
UA	Universiti Awam
WHO	World Health Organisation





SENARAI LAMPIRAN

Muka Surat

A	Maklumat demografi responden	127
B	Instrumen <i>Counseling Self-Estimates Inventory</i>	128
C	Instrumen <i>Flourisng Scale</i>	135
D	Surat kebenaran menjalankan kajian	136
E	Surat permohonan penggunaan instrumen COSE	137
F	Laman sesawang instrumen <i>Flourishing Scale</i>	138





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan tentang latar belakang kajian dan pernyataan masalah kajian.

Selain itu, bab ini juga turut mengemukakan tentang tujuan kajian, objektif kajian, persoalan kajian serta hipotesis kajian. Selanjutnya, aspek kerangka kajian, kepentingan kajian, limitasi dan definisi konseptual serta operasional dalam kajian ini juga telah dibincangkan.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



1.2 Latar Belakang Kajian

Kaunselor pelatih merupakan individu yang bakal bergelar golongan profesional kerana bakal menceburkan diri dalam profesi kaunseling kelak (Mazila Ghazali, 2017). Mereka ini dikenali sebagai kaunselor yang bakal berkhidmat di pelbagai lapangan kerja termasuklah di sekolah pada masa akan datang. Justeru bidang Bimbingan dan Kaunseling ini telah mula berkembang di luar negara selepas berlakunya Revolusi Perindustrian yang memberikan kesedaran kepada manusia untuk meningkatkan kehidupan mereka (Aubrey dalam Rokiah Mat Jusoh et al., 2007).



Berdasarkan Rokiah Mat Jusoh et al. (2007) dalam bukunya *Kerjaya Sebagai Kaunselor* telah menyatakan pada tahun 1989 seorang kaunselor (Jesse B. Davis) dilantik di Central High School, Michigan untuk menjalankan tugas bagi menolong murid yang mengalami masalah pelajaran dan pekerjaan (Rokiah Mat Jusoh et al., 2007). Seterusnya bidang ini semakin berkembang terutamanya dalam dunia pendidikan. Pada tahun 1908, Biro Vokasional ditubuhkan untuk memberikan maklumat vokasional dan melatih guru menjadi kaunselor vokasional.

Jesse B. Davis juga telah membentuk program bimbingan yang sistematik untuk sekolah-sekolah awam pada tahun 1907. Tahun seterusnya pada 1911 Harvard University telah menyediakan pendidikan untuk kaunselor. Pada tahun 1973 Association of Counselor Educators and Supervisors (ACES) mewujudkan garis panduan bagi peringkat pensarjaaan bidang kaunseling dan diikuti pada tahun 1980 an-





telah diwujudkan pemawaian dalam latihan dan pensijilan kaunselor, pengiktirafan kaunseling sebagai satu kerjaya, pembentukan Council for Accreditation and Related Educational Programs (CACREP) serta pengukuran National Board of Certified Counselors (NBCC).

Selanjutnya, pada tahun 1992 berlaku pertukaran nama persatuan daripada AAAD kepada American Counseling Association (ACA). Perkembangan bidang bimbingan dan kaunseling dalam pendidikan ini juga telah berlaku di Malaysia kerana penerimaan dan keterbukaan masyarakat terhadap profesion menolong ini. Menurut Mazila Ghazali et al. (2017) menyatakan bahawa profesion kaunseling semakin berkembang seiring dengan kemajuan sistem pendidikan negara Malaysia.



Menurut Noor et al. (2018) juga menyatakan bahawa keperluan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling semakin mendapat tempat dan meliputi semua lapisan masyarakat terutama dari segi perubahan sosial yang menyentuh kepada perubahan budaya dan cara hidup masyarakat. Perkembangan profesion kaunseling di Malaysia bergerak selari seperti perkembangan kaunseling di Amerika Syarikat yang bermula dengan memberi fokus kepada perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kerjaya (Abdul Malek Abdul Rahman et al., 2013). Hal ini dibuktikan apabila pada tahun 1938, H.R Cheeseman (Pegawai Kanan Pendidikan) Pentadbiran Kolonial Britain telah membentangkan laporan tentang keperluan bimbingan di sekolah.





Hal ini membawa kepada pemberian perakuan oleh United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO) kepada Kementerian Pelajaran Malaysia melalui R.K Mac Kenzie yang telah menjalankan tugas untuk melatih pengelola Jabatan Pelajaran Negeri berkaitan bimbingan dan kaunseling yang berlangsung pada tahun 1962 hingga 1963. Pada tahun 1996, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.3/1996 iaitu Panduan Tambahan: Perlantikan Guru Kaunseling Sepenuh Masa di Sekolah Menengah dengan membahagikan kepada dua kategori sekolah.

Dua kategori tersebut adalah 1) Sekolah Menengah A atau B pelajar kurang daripada 750 orang atau bilangan kelas kurang daripada 21 kelas memerlukan seorang guru kaunseling dan 2) Sekolah Menengah A atau B, pelajar lebih daripada 750 orang atau kelas lebih daripada 21 kelas seramai dua orang guru kaunseling. Selain itu sebuah buku Panduan perkhidmatan di Sekolah telah diterbitkan (Rokiah Mat Jusoh et al., 2007).

Selanjutnya pada tahun 1969 seramai 275 orang guru menjalani kursus singkat selama enam hari di Maktab Perguruan Ilmu Khas, Cheras dengan bantuan United Nations Children's Fund (UNICEF). Seterusnya satu seminar selama tiga hari telah dianjurkan oleh Sekolah Menengah Bukit Bintang pada tahun berikutnya (1970). Tiga tahun seterusnya (1973) telah diwujudkan Unit Perkhidmatan Panduan dibawah sekolah-sekolah di peringkat Kementerian Pelajaran Malaysia.





Seterusnya pada tahun 1979 perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling diletakkan di bawah Unit Hal Ehwal Murid. Satu tahun berikutnya (1980), Kursus pensijilan kaunseling sepenuh masa diperkenalkan di Maktab Perguruan Ilmu Khas dan kemudian Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) serta Universiti Malaya (UM) menawarkan kursus kaunseling di universiti tersebut.

Seterusnya UKM memperkenalkan Kursus Diploma Kaunseling untuk guru dan pegawai yang ingin memperkasakan lagi ilmu mereka dalam bidang ini. Universiti Putra Malaysia (UPM) juga telah memperkenalkan kursus Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling) selama empat tahun pada tahun 1981. Tahun berikutnya (1982), Kursus Dalam Cuti (KDC) mula diperkenalkan oleh Bahagian

Pendidikan Guru Tahun 1984.

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi

Maktab Perguruan Ilmu Khas memperkenalkan kursus khas selama enam bulan bagi mendapatkan Sijil Perguruan Khas Bimbingan dan Kaunseling. Selanjutnya pada tahun 1987, Institut Perguruan Sultan Idris Tanjong Malim menawarkan kursus Diploma Bimbingan dan Kaunseling. Pada tahun 1988, Kursus kejurulatihan Program Pembimbing Rakan Sebaya telah diwujudkan di Institut Aminuddin Baki. Perkembangan dalam bidang ini berterusan sehingga pada tahun 1997 apabila beberapa universiti awam mula menawarkan program dalam bidang kaunseling dan Universiti Sains Sabah (UMS) menawarkan program Psikologi Kaunseling.





Manakala pada tahun 1998 satu program Khas Pensiswazahan Guru (PKPG) diperkenalkan. Pada tahun 2005, Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling) mula ditawarkan di empat universiti awam iaitu UPM, Universiti Utara Malaysia (UM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Tujuan kursus ini ditawarkan adalah untuk memastikan perkhidmatan kaunseling dijalankan dengan baik.

Hal ini disokong oleh Mazila Ghazali (2017) yang menyatakan program kaunseling di Universiti Awam (UA) di Malaysia adalah bertujuan melahirkan kaunselor yang cekap dan berkesan serta mampu menjalankan perkhidmatan kaunseling yang terbaik kepada klien. Maka pihak universiti memainkan peranan penting untuk memilih seseorang yang bakal memasuki bidang penting ini. Pihak universiti juga bertindak dalam mentadbir urus mata pelajaran yang akan diambil oleh pelajar Bimbingan dan Kaunseling.

Oleh itu, Fakulti Pembangunan Manusia (2018) dalam *Buku Panduan Akademik Ijazah Sarjana Muda sesi 2018/2019* telah menenaraikan 28 mata pelajaran major dengan 89 jumlah jam kredit bagi kursus Bimbingan dan Kaunseling di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang perlu diambil oleh pelajar yang mendaftar kursus tersebut. Antara mata pelajaran major tersebut adalah Praktikum Kaunseling (KKH 3063) dan Internship Kaunseling (KKP 3108).



Kedua-dua mata pelajaran ini memberi fokus kepada latihan amali yang memerlukan pelajar untuk hadir ke sekolah bagi melengkapkan jam dan tugas mereka sebagai kaunselor pelatih. Berdasarkan garis panduan di UPSI, jumlah jam bagi kursus Praktikum Kaunseling (KKH 3063) adalah sebanyak 156 jam di mana 60 jam kontak sesi kaunseling individu dan 36 jam kontak bagi sesi kaunseling kelompok (Hapsah Md Yusof et al., 2019).

Manakala kaunselor pelatih perlu melengkapkan 562 jam internship kaunseling di mana terdapat 132 jam kontak kaunseling individu dan 60 jam kontak sesi kaunseling kelompok dengan mencatat 100% kehadiran (*Center For Teaching and Industrial Training*, 2022). Universiti Putra Malaysia (UPM) pula menggariskan bahawa pelajar

yang mengambil kursus Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling) yang dikenali sebagai pelatih perlu menyempurnakan 480 jam internship termasuk 192 jam kontak dengan klien, kaunseling individu, kaunseling kelompok dan bimbingan yang boleh dilaksanakan di sekolah, organisasi, institusi atau klinik (Putra Blast, t.t.).

Berdasarkan jumlah jam yang perlu diselesaikan oleh kaunselor pelatih ini, pastinya membantu kaunselor pelatih mendapatkan gambaran yang lebih luas tentang tugas dan peranan sebagai Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) di sekolah. Menurut Hodges (2019) menyatakan mengadakan praktikum atau internship adalah satu permulaan besar kepada proses perkembangan untuk menjadi seorang kaunselor kerana kaunselor pelatih dapat membantu klien sebenar yang mengalami pelbagai isu perkembangan dan/atau kesihatan mental.



Tang et al. (2004) menyatakan bahawa pengalaman latihan internship berfungsi untuk memberikan pelajar peluang merasai gambaran pembelajaran dan prestasi tugas (Bandura dalam Tang et al., 2004) yang dapat membantu mengembangkan kecekapan dalam mengamalkan ilmu kaunseling dimana ia sebahagian daripada sumber efikasi kendiri individu. Di samping itu, tugas dan peranan kaunselor pelatih di sekolah amat berbeza dengan tugas guru pelatih bagi kursus-kursus yang lain. Justeru perbezaan peranan ini memberikan cabaran berbeza buat kaunselor pelatih sepanjang menjalankan praktikum atau internship kaunseling.

Antara cabaran utama kaunselor pelatih adalah tekanan untuk melengkapkan jam kontak praktikum atau internship kaunseling yang banyak, berhadapan dengan stigma warga sekolah dan beban tugas luar daripada skop tugas kaunselor pelatih.

Cabarani ini pastinya menguji efikasi kendiri kaunseling kaunselor pelatih yang boleh mempengaruhi kepada kesejahteraan psikologi mereka. Manakala tugas guru pelatih pula adalah memberikan komitmen mereka untuk menjalankan sesi Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) di sekolah.

Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) telah memperuntukkan guru pelatihnya perlu menjalani Latihan Mengajar (LM) dalam tempoh 10 hingga 12 minggu yang menuntut mereka untuk memenuhi lapan hingga 10 waktu pelajar major dan dua hingga empat mata pelajaran minor (Center for Teaching and Industrial Training, 2022).





Justeru guru pelatih berhadapan dengan cabarannya yang tersendiri iaitu pengurusan tempat guru pelatih yang tidak selesa, stigma warga sekolah dan beban kerja yang mengganggu tugas sebenar guru pelatih sewaktu menjalani latihan mengajar. Cabaran ini sememangnya menguji efikasi kendiri dan tekanan dalam kalangan guru pelatih. Berdasarkan kajian oleh Ahmad Zamri Khairani (2016) tentang mengukur efikasi pengajaran guru pelatih di Universiti Sains Malaysia (USM) telah menunjukkan para guru pelatih mempunyai efikasi pengajaran yang tinggi.

Para guru pelatih menunjukkan keyakinan yang paling tinggi terhadap efikasi dalam pengurusan kelas, diikuti dengan efikasi dalam strategi pengajaran dan efikasi dalam penglibatan dengan murid. Selain itu, kajian Idawati Moin dan Wan Azlinda

Wan Mohamed (2018) tentang efikasi kendiri guru pelatih Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Tun Hussein Onn dalam melahirkan guru abad-21 yang dilaksanakan

kepada guru-guru pelatih semester tujuh dan lapan. Hasil dapatan menunjukkan bahawa min efikasi kendiri guru pelatih berada pada tahap yang sederhana.

Seterusnya Shaik Daud et al. (2007) telah menjalankan kajian terhadap guru pelatih Universiti Teknologi Malaysia (UiTM) untuk mengetahui faktor tekanan sewaktu menjalankan Latihan Mengajar (LM). Hasil dapatan melaporkan bahawa tahap tekanan bagi faktor beban kerja dan disiplin pelajar berada pada tahap tinggi manakala faktor keadaan kerja yang teruk berada pada tahap sederhana.





Kesimpulannya, berdasarkan sorotan kajian lepas ini menunjukkan bahawa efikasi kendiri guru pelatih berada pada tahap tinggi dan sederhana manakala tekanan guru pelatih berpunca daripada beban kerja, disiplin pelajar dan keadaan kerja yang teruk. Oleh itu, berdasarkan kepada tujuan utama kajian ini timbul persoalan “sejauh manakah tahap kesediaan kaunselor pelatih dari aspek efikasi kendiri kaunseling dan kesejahteraan psikologi yang bakal menjadi Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) untuk berkhidmat di lapangan sebenar kelak?”

Oleh itu, kajian ini mengambil cakna terhadap cabaran yang dihadapi oleh kaunselor pelatih untuk meningkatkan efikasi kendiri kaunseling yang memberi pengaruh kepada kesejahteraan psikologi bakal kaunselor di Malaysia. Menurut Ryff dan Singer (1996) telah mentakrifkan kesejahteraan psikologi datang daripada perspektif perkembangan jangka hayat yang menekankan cabaran berbeza yang dihadapi pada pelbagai fasa kitaran hayat. World Health Organisation (WHO) juga menyatakan bahawa terdapat perkaitan yang dapat dilihat antara kesihatan mental dengan kesejahteraan psikologi.

Di samping itu, menurut Larson dan Daniels (1998) efikasi kendiri adalah satu mekanisma yang mempengaruhi corak pemikiran dimana individu mengintegrasikan dan menggunakan kognitif, tingkah laku dan sosial yang bersedia untuk sesuatu tugas, menentukan tindakan, melibatkan diri dalam tugas dan berusaha serta bertahan di bawah kegagalan.





Menurut Nur Jannah Bali Mahomed et al. (2020) menyatakan bahawa individu yang berada dalam perkhidmatan kaunseling perlu memastikan kestabilan kesejahteraan mereka bagi memastikan mereka dapat melaksanakan perkhidmatan kaunseling bersama klien dengan berkesan. Menurut Bandura dalam Karaman (2018) menyatakan efikasi kendiri adalah satu konsep kepercayaan dan kemampuan dalam diri seseorang untuk menyelesaikan suatu tugas dan prestasi terhadap pelbagai situasi.

Berdasarkan kajian lepas, telah meneroka tentang peramal kepada isu keletihan belas kasihan dalam kalangan kaunselor pelatih iaitu daya tahan dan kesejahteraan (Can & Watson, 2019). Menurutnya lagi pengalaman negatif ini boleh membawa kepada perasaan ragu-ragu dan kurang keyakinan di kalangan kaunselor pelatih dan berpotensi memimpin kepada ketidakpuasan kerjaya (Can & Watson, 2019). Menurut Lent et al. (2006) menyatakan efikasi kendiri kaunselor (atau kaunseling) merujuk kepada kepercayaan kaunselor tentang keupayaan mereka untuk melakukan tingkah laku berkaitan peranan tertentu.

Kepercayaan ini dilaksanakan dalam pelbagai kaedah terutamanya sebagai keupayaan yang dirasakan untuk menggubal kemahiran dan tugas pengurusan sesi rutin atau untuk kemahiran berunding secara klinikal untuk mengetahui keberkesanan mengatasi senario yang lebih mencabar (Lent et al., 2006). Justeru dari konteks Malaysia pula, kajian dalam bidang yang menggabungkan dua pemboleh ubah antara efikasi kendiri kaunseling dan kesejahteraan psikologi ini secara khusus sebenarnya masih baru.





Justeru untuk memahami situasi ini secara lebih mendalam, kajian ini telah dijalankan untuk mengkaji secara lebih terperinci hubungan efikasi kendiri kaunseling terhadap kesejahteraan psikologi dalam kalangan kaunselor pelatih Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Dapatkan kajian ini dapat mengisi jurang yang wujud antara dua pemboleh ubah tersebut.

1.3 Pernyataan Masalah

Tujuan pelaksanaan praktikum atau internship kaunseling dalam bidang Bimbingan dan Kaunseling adalah untuk memberikan ruang dan peluang kepada kaunselor pelatih mengaplikasikan ilmu pengetahuan yang dipelajari secara praktikal dalam suasana kerja yang sebenar (Norzaliza Alis et al., 2018). Pastinya proses menjalani praktikum atau internship kaunseling ini mempunyai cabaran dan tekanannya yang tersendiri.

Menurut Siti Kholijah Kassim dan Haniza Rais (2021) menyatakan banyak kajian lepas melaporkan bahawa pelajar kaunseling akan berhadapan dengan pelbagai cabaran sewaktu menjalankan latihan amali bagi melengkapkan jumlah kontak jam dan tugas-tugas lain seperti penulisan laporan, buku log, nota sesi, borang serta pelbagai dokumentasi. Cabaran ini juga berlaku dalam kalangan kaunselor yang sedang berkhidmat di lapangan sebenar.





Antara cabaran kaunselor atau Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) di sekolah adalah beban kerja yang terlalu banyak, tugas tambahan di luar skop utama GBK dan kefahaman pengurusan dan pentadbiran yang lemah terhadap tugas GBK. Maka, GBK yang memberikan komitmen sepenuhnya untuk melengkapkan tugas mereka kadang-kala telah mengabaikan kesejahteraan psikologi dan kesihatan diri. Justeru hal ini mempengaruhi kepada kesejahteraan psikologi kaunselor tersebut.

Hal ini selari dengan kajian Voon et al. (2021) yang menyatakan bahawa terdapat hubungan signifikan antara belas kasihan diri dan kesejahteraan psikologi dalam kalangan kaunselor di Malaysia. Hal ini di mana kaunselor yang mempunyai tahap belas kasihan diri yang tinggi dapat membina daya tahan kendiri yang baik sekaligus mempunyai tahap kesejahteraan psikologi yang tinggi. Selain itu, Nur Jannah

Bali Mohamed (2020) juga telah menyatakan bahawa faktor belas kasihan diri menyumbang kepada kesejahteraan psikologi dalam kalangan kaunselor sekolah yang mempengaruhi kepada peningkatan kualiti perkhidmatan sesi kaunseling.

Berdasarkan dapatan ini menunjukkan bahawa kesejahteraan psikologi boleh dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti keupayaan kendiri kaunselor. Walau bagaimanapun, kajian lepas ini berfokus terus kepada kaunselor atau GBK yang telah berkhidmat di sekolah. Justeru, kajian yang dijalankan ini menfokuskan isu kaunselor pelatih yang berhadapan dengan cabaran praktikum atau internship kaunseling kepada pemboleh ubah tidak bersandar kajian ini iaitu efikasi kendiri kaunseling.



Seterusnya impak daripada keupayaan menghadapi cabaran ini pula dilihat dari segi kesejahteraan psikologi kaunselor pelatih. Pemilihan elemen kesejahteraan psikologi ini adalah selari dengan pandangan P. Seligman & Csikszentmihalyi (2000) menyatakan kesejahteraan psikologi adalah mengenai sifat individu yang positif; keupayaan untuk kasih sayang dan kerjaya, keberanian, kemahiran interpersonal, kepekaan estetika, ketabahan, pemaaf, keaslian, pemikiran masa depan, kerohanian, bakat tinggi dan kebijaksanaan.

Selain itu, menurut Ryff dan Singer dalam Izazol Idris (2019) yang mendefinisikan kesejahteraan psikologi adalah keupayaan individu untuk menangani cabaran dan masalah kehidupan akan tergambar melalui tahap kesejahteraan psikologinya. Kajian-kajian lepas banyak memberi fokus kepada hubungan antara efikasi kendiri kaunseling terhadap kesejahteraan psikologi. Walau bagaimanapun, kajian lepas tersebut memerihalkan hubungan antara dua boleh ubah ini secara berasingan.

Antara kajian yang pernah dijalankan adalah berkaitan pengaruh efikasi kendiri kaunseling dan prestasi (Wan Marzuki Wan Jaafar et al., 2009), efikasi kendiri kaunseling (Wan Marzuki Wan Jaafar et al., 2011), perkembangan efikasi kendiri (Ruhani Mat Min, 2012). Selain itu, kajian efikasi kendiri semasa praktikum (Flasch et al., 2011), kesejahteraan psikologi dengan kesihatan yang dirasakan (Merryman, 2012), inovatif individu dan kesejahteraan psikologi (Fatma Ebru Ikiz & Esra Asici, 2017).



Di samping itu, terdapat satu kajian lepas yang mengkaji hubungan efikasi kendiri kaunseling dan kesejahteraan psikologi dalam kalangan kaunselor sekolah. Walau bagaimanapun, masih kurang kajian yang dilakukan untuk meneroka dan memahami peranan dinamik yang dimainkan antara efikasi kendiri kaunseling terhadap kesejahteraan psikologi dalam kalangan kaunselor pelatih. Dalam erti kata lain, impak peramalan oleh gabungan dua pemboleh ubah ini dalam kalangan kaunselor pelatih dalam konteks Malaysia masih belum diteroka secara mendalam.

Memandangkan kajian khusus yang mengkaji tentang efikasi kendiri kaunseling terhadap kesejahteraan psikologi dalam kalangan kaunselor pelatih masih kurang dijalankan di Malaysia. Sehubungan itu, kajian ini berusaha untuk mengisi jurang tersebut melalui usaha mengkaji hubungan pemboleh ubah efikasi kendiri kaunseling terhadap kesejahteraan psikologi dalam kalangan kaunselor pelatih. Maka kajian ini dapat memberikan sumbangan besar dalam bidang kaunseling. Oleh itu, satu dapat tinjauan tentang hubungan efikasi kendiri kaunseling terhadap kesejahteraan psikologi dalam kalangan kaunselor pelatih dapat dikenal pasti.

Di samping itu, kajian ini juga telah mengkaji efikasi kendiri kaunseling dan kesejahteraan psikologi yang berfokus kepada dua aspek utama iaitu aspek jantina dan semester pengajian. Dua aspek ini juga dikaji dalam sorotan kajian lepas seperti kajian oleh Noor Amelia Mohd (2009), Aida Nurbailah Noor et al. (2018), Mullen et al. (2015) dan Shamsul Siddiqui (2015) yang dibincangkan dalam bab kajian literatur (2).





Justeru melalui kajian yang dijalankan ini dapat membawa kepada satu dimensi tinjauan secara rintis tentang efikasi kendiri terhadap kesejahteraan psikologi dalam kalangan kaunselor pelatih. Kajian ini bertujuan untuk menjelaskan hubungan yang kompleks dan bersandar antara dua pemboleh ubah tersebut. Di samping itu, menentukan sejauh mana satu pemboleh ubah mempengaruhi kepada pemboleh ubah yang lain. Berdasarkan sorotan kajian lepas yang mendalam, kajian ini telah membina hipotesis yang menggambarkan pengaruh antara pemboleh ubah efikasi kendiri kaunseling terhadap kesejahteraan psikologi. Selain itu, masih kurang maklumat berkaitan dengan efikasi kendiri kaunseling terhadap kesejahteraan psikologi dalam kalangan kaunselor pelatih di Malaysia.



seperti jantina dan semester pengajian. Selain memberi gambaran lebih jelas mengenai efikasi kendiri kaunseling terhadap kesejahteraan psikologi dalam kalangan kaunselor pelatih di Malaysia, kajian ini juga dapat dijadikan rujukan oleh pihak universiti, Persatuan Kaunselor Malaysia (PERKAMA) dan Lembaga Kaunselor Malaysia (LKM) untuk merangka program serta bengkel, latihan atau program yang relevan. Hal ini bertujuan untuk meningkatkan keupayaan kaunselor pelatih untuk menangani cabaran sekaligus mengoptimumkan kualiti diri mereka sebagai kaunselor pelatih yang bakal berkhidmat di setting kaunseling yang sebenar kelak.





1.4 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji hubungan antara efikasi kendiri kaunseling terhadap kesejahteraan psikologi kaunselor pelatih di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Oleh itu, objektif kajian dinyatakan seperti berikut:

1.5 Objektif Kajian

- 1) Mengukur tahap efikasi kendiri kaunseling pelatih UPSI.
- 2) Mengukur tahap kesejahteraan psikologi kaunselor pelatih UPSI.
- 3) Mengkaji perbezaan antara efikasi kendiri kaunseling kaunselor pelatih UPSI berdasarkan jantina.
- 4) Mengkaji perbezaan antara kesejahteraan psikologi kaunselor pelatih UPSI berdasarkan jantina.
- 5) Mengkaji perbezaan antara efikasi kendiri kaunseling kaunselor pelatih UPSI berdasarkan semester pengajian
- 6) Mengkaji perbezaan antara kesejahteraan psikologi kaunselor pelatih UPSI berdasarkan semester pengajian.
- 7) Mengkaji hubungan antara efikasi kendiri kaunseling terhadap kesejahteraan psikologi kaunselor pelatih UPSI.





1.6 Persoalan Kajian

Bagi memastikan tujuh objektif kajian yang telah dinyatakan ini tercapai, maka persoalan-persoalan kajian telah dibina seperti berikut iaitu:

- 1) Apakah tahap efikasi kendiri kaunseling pelatih UPSI?
- 2) Apakah tahap kesejahteraan psikologi kaunselor pelatih UPSI?
- 3) Adakah terdapat perbezaan antara efikasi kendiri kaunseling kaunselor pelatih UPSI berdasarkan jantina?
- 4) Adakah terdapat perbezaan antara kesejahteraan psikologi kaunselor pelatih UPSI berdasarkan jantina?
- 5) Adakah terdapat perbezaan antara efikasi kendiri kaunseling kaunselor pelatih UPSI berdasarkan semester pengajian?
- 6) Adakah terdapat perbezaan antara kesejahteraan psikologi kaunselor pelatih UPSI berdasarkan semester pengajian?
- 7) Apakah hubungan antara efikasi kendiri kaunseling terhadap kesejahteraan psikologi kaunselor pelatih UPSI?





1.7 Hipotesis Kajian

- 1) Tidak terdapat perbezaan antara efikasi kendiri kaunseling kaunselor pelatih UPSI berdasarkan jantina.
- 2) Tidak terdapat perbezaan antara kesejahteraan psikologi kaunselor pelatih UPSI berdasarkan jantina.
- 3) Tidak terdapat perbezaan antara efikasi kendiri kaunseling kaunselor pelatih UPSI berdasarkan semester pengajian.
- 4) Tidak terdapat perbezaan antara kesejahteraan psikologi kaunselor pelatih UPSI berdasarkan semester pengajian.
- 5) Tidak terdapat hubungan antara efikasi kendiri kaunseling terhadap kesejahteraan psikologi kaunselor pelatih UPSI.



1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini menyumbang kepada kepentingan kajian kepada kaunselor pelatih, pihak Jabatan Psikologi dan Kaunseling, pihak fakulti di universiti, Persatuan Kaunseling Malaysia (PERKAMA) dan Lembaga Kaunselor Malaysia (LKM)





1.8.1 Kaunselor Pelatih

Kajian ini merupakan satu kajian yang penting kepada kaunselor pelatih yang bakal berkhidmat di lapangan sebenar kelak. Hal ini di mana kajian ini telah memberikan penekanan dan penjelasan tentang elemen yang perlu diambil berat oleh kaunselor pelatih sebelum menjalani praktikum atau internship iaitu efikasi kendiri kaunseling dan kesejahteraan psikologi. Persediaan secara teoritikal dan praktikal terhadap dua elemen ini membantu kaunselor pelatih untuk lebih bersedia untuk berhadapan dengan pelbagai cabaran sepanjang proses praktikum atau internship kelak.



1.8.2 Jabatan Kaunseling dan Psikologi, Fakulti di Universiti

Kajian ini juga memberikan penekanan yang jelas kepada pihak Jabatan Kaunseling dan Psikologi di universiti untuk mengambil cakna tentang dua elemen ini bagi melahirkan kaunselor pelatih yang mempunyai persediaan kendiri yang mantap untuk berkhidmat selepas tamat pengajian kelak. Kajian ini juga membantu pihak universiti untuk merangka program, bengkel atau latihan yang bersesuaian kepada kaunselor pelatih yang bakal mengadakan praktikum atau internship kaunseling. Contohnya seperti aktiviti *bootcamp* yang boleh dijalankan selama tiga hari dua malam yang memuatkan aktiviti dan penerangan lebih terperinci tentang kesediaan menghadapi praktikum atau internship.





1.8.3 Persatuan Kaunseling Malaysia (PERKAMA)

Persatuan Kaunseling Malaysia (PERKAMA) merupakan pihak yang dapat membantu meningkatkan efikasi kendiri kaunseling dalam kalangan kaunselor pelatih melalui latihan, bengkel dan program yang memperkasakan lagi kemahiran dalam kalangan pelajar Bimbingan dan Kaunseling di univeristi. Justeru sesuai dengan hasrat ini maka kajian ini memberikan kepentingan besar pihak PERKAMA.

1.8.4 Lembaga Kaunselor Malaysia (LKM)

Lembaga Kaunselor Malaysia (LKM) pihak yang bertanggungjawab dalam merangka polisi dan dasar yang bersesuaian terhadap kursus Bimbingan dan Kaunseling yang ditawarkan di universiti. Pihak ini juga bertanggungjawab dalam menjaga kebijakan kaunselor dan bakal kaunselor di Malaysia. Justeru antara kebijakan yang perlu diutamakan adalah tentang kesejahteraan psikologi kaunselor dan bakal kaunselor terutamanya yang akan menjadi penerus legasi dalam perkhidmatan ini.

1.9 Kerangka Kajian


Bahagian ini menerangkan lebih terperinci tentang kerangka konseptual dan kerangka teoritikal kajian ini.





1.9.1 Kerangka Konseptual

Berdasarkan kepada objektif dan persoalan kajian yang telah dibina, kerangka konseptual adalah seperti dalam Rajah 1.0 di bawah



Kerangka konseptual ini memberikan gambaran mudah tentang kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji bagi mengukur pemboleh ubah efikasi kendiri kaunseling terhadap kesejahteraan psikologi kaunselor pelatih. Kedua-dua pemboleh ubah ini mempunyai perkaitan dan saling mempengaruhi antara satu sama lain. Hal ini dibuktikan melalui kajian lepas yang dijalankan oleh Nur Jannah Bali Mahomed (2020) yang menyatakan terdapat hubungan positif yang kuat antara efikasi kendiri kaunseling dan kesejahteraan psikologi dalam kalangan kaunselor sekolah di Malaysia.






1.9.2 Kerangka Teoritikal

Berdasarkan kepada kajian ini, penyelidik telah merujuk Teori Kognitif Sosial sebagai dasar kepada pemboleh ubah efikasi kendiri kaunseling. Teori kognitif sosial ini telah dibangunkan oleh Bandura yang mempunyai empat sumber maklumat yang boleh meningkatkan atau mengurangkan persepsi efikasi kendiri iaitu 1) Pencapaian Prestasi, 2) Pengalaman, 3) Pujukan Lisan dan 4) Keadaan Lisan (Larson et al., 1992). Hal ini disokong oleh Larson et al. (1992) juga menyatakan bahawa teori efikasi kendiri merupakan asas kepada instrumen (*Counseling Self Estimates Inventory*) kerana teori ini mempunyai konstruk yang paling selari dengan matlamat dalam membangunkan instrumen.



Seterusnya penyelidik juga merujuk Teori Kesejahteraan Psikologi Subjektif yang dibangunkan oleh Ed Diener, Menurut Diener et al. (2009) memperkenalkan kesejahteraan psikologi subjektif yang didefinisikan sebagai penilaian orang terhadap kehidupan mereka dimana kesejahteraan psikologi dianggap mewakili kefungsian manusia yang optimum. Justeru, Diener telah membina instrumen kesejahteraan psikologi yang dikenali sebagai *Flourishing Scale* pada tahun 2009. Menurut Chua Bee Seok et al. (2022) menyatakan bahawa *Flourishing Scale* direka untuk mengukur dimensi utama fungsi sosial-psikologi individu, sumbangan kepada kesejahteraan orang lain, termasuk tujuan dan makna, hubungan yang menyokong, keyakinan, penglibatan, kecekapan, dihormati, dan penerimaan diri. Rajah 1.1 di bawah menunjukkan kerangka teoritikal kajian ini.





Rajah 1.1 Kerangka teoritikal kajian

1.10 Pemboleh Ubah Bersandar dan Tidak Bersandar



Kajian ini menggunakan pembolehubah tidak bersandar iaitu efikasi kendiri kaunseling dan pembolehubah bersandar iaitu kesejahteraan psikologi. Kedua-dua pembolehubah ini diuji kepada kaunselor pelatih di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

1.11 Definisi Konseptual dan Operasional

Berikut adalah tiga (3) istilah penting dalam kajian yang didefinisikan secara konseptual dan operasional berdasarkan kajian ini.





1.11.1 Efikasi Kendiri Kaunseling

Menurut Wan Marzuki Wan Jaafar et al. (2011) menyatakan bahawa efikasi kendiri kaunseling yang dibangunkan oleh Bandura (1986) menerangkan tentang proses menilai keupayaan kognitif untuk melaksanakan tingkah laku tertentu mengikut situasi tertentu dalam modal psikologi terdekat. Menurut Schiele et al. (2014) pula menyatakan bahawa efikasi kendiri kaunseling adalah pencetus penting kepada amalan klinikal yang berkesan iaitu kepercayaan seseorang terhadap keupayaannya untuk menjalankan sesi kaunseling bersama klien secara berkesan.

Oleh itu berdasarkan konteks kajian ini efikasi kendiri kaunseling telah mengukur lima unsur iaitu kemahiran mikro, proses kaunseling, menangani tingkah laku klien yang sukar, kecekapan budaya dan kesedaran tentang nilai (Novopsych, 2021). Justeru kajian ini juga telah menggunakan instrumen *Counseling Self-Estimates Inventory* (COSE) yang sudah dialih bahasa mengikut konteks di Malaysia bagi mengukur efikasi kendiri kaunseling kaunselor pelatih UPSI.





1.11.2 Kesejahteraan Psikologi

Berdasarkan instrumen *Flourishing Scale* menyatakan bahawa keadaan seseorang menunjukkan tahap kesejahteraan sosial-psikologi yang lebih tinggi dimana dalam teori *flourishing* adalah memenuhi keperluan penerimaan diri, *relatedness*, kecekapan dan memiliki modal psikologi (Chua Bee Seok et al., 2022). Justeru berdasarkan konteks kajian ini kesejahteraan psikologi adalah untuk mengukur fungsi positif individu seperti optimis, hubungan positif, keyakinan diri dan tujuan serta makna dalam hidup (Chua Bee Seok et al., 2022). Justeru kajian ini telah menggunakan instrumen *Flourishing Scale* bagi mengetahui tahap kesejahteraan psikologi kaunselor pelatih.



1.11.3 Kaunselor Pelatih

Kaunselor pelatih adalah pelajar yang sedang mengambil jurusan program kaunseling dan bakal menjadi kaunselor profesional berkelayakkan setelah menamatkan program latihan bimbingan dan kaunseling (Amelia Mohd Noor, 2009). Berdasarkan konteks kajian ini kaunselor pelatih telah berfokus kepada pelajar yang mengambil kursus Ijazah Sarjana Muda Bimbingan dan Kaunseling di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Responden kajian ini telah berfokus kepada pelajar yang sedang dan pernah menjalani Praktikum Kauneling (KKH 3063) dan Internship Kaunseling (KKP 3108) sekurang-kurangnya 12-minggu iaitu pelajar semester enam, tujuh dan lapan.





1.12 Limitasi Kajian

Terdapat beberapa limitasi kajian yang dikenal pasti dalam kajian ini. Antaranya pengkaji hanya memilih pelajar yang berada pada peringkat Ijazah Sarjana Muda iaitu kursus Ijazah Sarjana Muda Bimbingan dan Kaunseling daripada sebuah universiti awam sahaja yang dijadikan sebagai sampel kajian. Justeru kaedah ini meningkatkan berlakunya berat sebelah kerana kelompok responden yang dipilih boleh berlaku ralat persampelan yang tinggi. Selanjutnya, kajian ini mempunyai tempoh masa kajian yang terhad untuk pengkaji mendapatkan hasil dapatan daripada universiti kerajaan atau swasta yang lain.



Di samping itu, penyelidik hanya mengukur sampel kajian menggunakan dua maklumat demografi sahaja iaitu jantina dan semester pengajian. Seterusnya limitasi kajian berkenaan pengumpulan data kajian dimana instrumen soal selidik yang bersifat pelaporan kendiri. Ini boleh menjadikan kebarangkalian data yang diperoleh adalah berdasarkan pandangan atau persepsi responden kajian. Oleh itu dapatan kajian ini bergantung kepada ketelusan dalam memberikan respon terhadap pernyataan-pernyataan yang dikemukakan. Akhir sekali, kajian ini hanya berfokus kepada dua pemboleh ubah sahaja iaitu efikasi kendiri kaunseling dan kesejahteraan psikologi dalam kalangan kaunselor pelatih.





1.13 Rumusan

Bab ini telah menghuraikan perkara-perkara yang menjadi asas kepada kajian yang dilakukan. Kandungan keseluruhan bab ini disusun bermula dengan penjelasan ringkas tentang sejarah kaunseling dalam bidang pendidikan dan kepentingan efikasi kendiri kaunseling serta kesejahteraan psikologi kaunselor pelatih dalam berhadapan dengan cabaran. Seterusnya diikuti dengan perbincangan tentang masalah, objektif, persoalan dan hipotesis kajian. Selanjutnya, bab ini juga membincangkan tentang kerangka kajian, limitasi kajian dan kepentingan kajian kepada pihak yang berkepentingan di Malaysia. Definisi bagi setiap konstruk juga dibincangkan bagi memperjelaskan aspek pengukurannya.

